

Pendaftaran pelajar baru IPTA

Seramai 105,377 terpilih ikuti pengajian peringkat diploma, ijazah pertama sesi kemasukan 2010/2011

SERAMAI 105,377 pelajar ditawarkan tempat di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) seluruh negara bagi sesi kemasukan 2010/2011 dan mereka melapor diri bagi mengikuti pengajian diploma dan ijazah, baru-baru ini.

Daripada jumlah itu, 40,366 pelajar mengikuti program ijazah pertama, manakala 65,011 lagi diploma.

Pelajar perempuan terus mendominasi kemasukan dengan 58.6 peratus (61,750) berbanding hanya 41.4 peratus (43,627) lelaki.

Demikian juga di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), pelajar perempuan turut mendominasi program ijazah pertama sebanyak 68 peratus.

Daripada 3,635 pelajar baru mendaftar bagi mengikuti program ijazah pertama di universiti itu, 2,471 adalah perempuan.

Naib Canselornya, Prof Tan Sri Datuk Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin, berkata jumlah pengambilan pelajar kali ini menurun 10 peratus berbanding sesi lalu.

"Penurunan ini hanya membabitkan pengambilan pelajar jurusan sains sosial berikutan hasrat UKM menyeimbangkan nisbah antara jurusan sains sosial sebanyak 40 peratus dengan sains 60 peratus.

"Selain itu, kita juga mahu memastikan nisbah 1:1 antara pelajar ijazah dan siswazah menjelang 2015 menjadi kenyataan selaras dengan status UKM sebagai universiti penyelidikan," katanya.

Tinjauan Varsiti pada hari pendaftaran di UKM Ahad



MENTERI Pengajian Tinggi, Mohamed Khaled bersalaman dengan penuntut Universiti Malaysia Pahang pada Majlis Perasmian Minggu Induksi Siswa di Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang, baru-baru ini.

lalu mendapati pelajar baru bangga kerana berjaya melanjutkan pengajian di universiti ternama itu.

Seorang pelajar, Nurhayati Abdul Razak, 19, berkata dia gembira kerana impiannya menyambung pengajian di menara gading tercapai, bagaimanapun gementar sedikit untuk melalui

kehidupan baru sebagai mahasiswa.

"Saya memilih UKM kerana tahu universiti ini berkualiti terutama dalam usahanya melahirkan mahasiswa ber- taraf antarabangsa.

"Selain itu, saya juga berpeluang dapat bertemu dengan idola saya, Angkasan Negara Datuk Dr Sheikh

Muszaphar Shukor.

"Jurusan kejuruteraan menjadi pilihan kerana minat dengan bidang yang mencabar, justeru saya yakin universiti ini mampu membantu saya mencapai cita-cita bergelar jurutera berjaya kelak," kata pelajar Bachelo Kejuruteraan Awam dan Struktur itu.

Di Universiti Putra Malaysia (UPM) pula, seramai 4,559 pelajar baru menyaksikan 3,453 perempuan, manakala 1,649 lagi lelaki.

Nor Muazam Shah Baharudin, 21, berkata dia gembira dapat meneruskan pengajiannya dalam bidang miniatnya di UPM, iaitu Bachelo Sains Pertanian kerana tahu



TIMBALAN Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Putra Malaysia, Prof Dr Mohd Fauzi Ramli (kanan) beramah mesra dengan pelajar baru di universiti itu, baru-baru ini.

hanya universiti itu mampu menyediakan pembelajaran berkualiti dalam bidang berkenaan.

"Sebelum ini, saya mengikuti pengajian di UPM Kampus Bintulu peringkat Diploma Pengurusan Perladangan Makanan. Justeru saya bertuah kerana sekali lagi berjaya meneruskan

pengajian di universiti terbaik di Malaysia dalam bidang pertanian ini.

"UPM sememangnya terkenal dengan kepakaran dalam bidang pertanian dan saya yakin dapat mencapai cita-cita bergelar pegawai pertanian selepas tamat pengajian kelak," katanya.

“ *Jumlah pengambilan pelajar pada sesi kali ini mengalami penurunan 10 peratus berbanding sesi lepas. Penurunan ini hanya membabitkan pengambilan pelajar daripada jurusan sains sosial ”*

Sharifah Hapsah Syed Hasan
Naib Canselor UKM



SEBAHAGIAN pelajar baru mendaftar di Universiti Utara Malaysia, baru-baru ini.



NAIB Canselor Universiti Sains Malaysia, Prof Dzulkifli Abdul Razak (kanan) memberi kata semangat kepada pelajar baru di kampus Kesihatan USM Kubang Kerian, baru-baru ini.